

# Kata Bantu

1. Buah mangga yang \_\_\_\_\_ masak sedap dimakan.  
A boleh  
B sudah  
C dapat
2. Bakul itu \_\_\_\_\_ diangkat oleh kakak dengan mudah.  
A masih  
B mahu  
C dapat
3. Puan Lee \_\_\_\_\_ membawa anak-anaknya ke pesta buku pada hari Ahad ini.  
A akan  
B boleh  
C perlu  
D telah
4. "Kami \_\_\_\_\_ makan lagi," kata Ali dan Abu kepada ibu.  
A telah  
B akan  
C belum  
D sedang
5. Jangan ulangi kesilapan yang \_\_\_\_\_ kamu lakukan.  
A akan  
B harus  
C mesti  
D pernah
6. Keputusan peperiksaan UPSR \_\_\_\_\_ diumumkan pada minggu hadapan.  
A akan  
B mesti  
C dapat  
D hendak

7.



Hujan ribut \_\_\_\_\_ merosakkan beberapa buah rumah di Kampung Setia.

- |          |         |
|----------|---------|
| A harus  | C telah |
| B hendak | D mesti |

8.



Komputer \_\_\_\_\_ memudahkan manusia menjalankan tugas-tugas harian mereka.

- |         |          |
|---------|----------|
| A harus | C pernah |
| B dapat | D hendak |

9. Pasukan penyelamat \_\_\_\_\_ berusaha menyelamatkan mangsa tanah runtuh itu.  
A boleh  
B mahu  
C sedang
10. Bas itu \_\_\_\_\_ bertolak ke Melaka sebentar lagi.  
A akan  
B dapat  
C masih  
D pernah
11. Seekor ikan paus \_\_\_\_\_ dijumpai terdampar di tepi pantai.  
A mesti  
B harus  
C telah  
D sedang
12. Nasi lemak itu tidak \_\_\_\_\_ dimakan lagi kerana sudah basi.  
A boleh  
B masih  
C pernah  
D hendak
13. Murid-murid \_\_\_\_\_ memakai pakaian seragam ketika datang ke sekolah.  
A akan  
B telah  
C mesti  
D dapat
14. Chong Yew tidak \_\_\_\_\_ mengabaikan pelajarannya.  
A mesti  
B belum  
C hendak  
D pernah